

Kegiatan jenayah seludup tumpas

Kastam Selangor rampas kayu cendana bernilai RM4.8 juta

WAN NOR ROSIDA WAN HAMAD

PELABUHAN KLANG – Kastam Selangor buat pertama kalinya berjaya membanteras kegiatan jenayah penyeludupan melibatkan alam sekitar iaitu penyeludupan kayu cendana seberat 9.5 tan yang bernilai RM4.8 juta yang diimport dari India.

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan) Datuk Md Hassim Pardi berkata, kastam telah menahan sebuah kontena di Pelabuhan Utara yang tiba dari Nhava Sheva, India yang mengikrarkan barangan sebagai '2 Bundle Conveyor Belt' pada 23 Mac lalu.

"Kayu cendana tersebut merupakan barangan dagangan yang dikawal CITES (Convention On International Trade In endangered Species of wild Fauna And Flora) yang telah diimport tanpa permit dari India.

"Kita telah mengesan pengimport dan ejen yang terlibat dan siasatan lanjut sedang dijalankan dengan kerjasama pihak Kastam



● Md Hassim Pardi (tengah) bersama Roslan (kiri) dan Chik Omar melihat kayu cendana yang berjaya dirampas daripada kontena yang diimport dari India, di sini, semalam.

India,"katanya dalam sidang akhbar di Majlis Penyerahan Kenderaan Curi Penyeludupan Eksport kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sini, semalam.

Di majlis itu, sebanyak lapan kenderaan pelbagai jenama yang cuba diseludup keluar diserahkan

kepada PDRM bagi mengesan semula pemilik kenderaan terbabit.

Md Hassim berkata, selain kayu cendana, kastam juga berjaya melumpuhkan cubaan penyeludupan rokok keretek dan tayar lori baru yang bernilai RM147,000 melibatkan cukai ke-

seluruhan bernilai RM189,000 dalam beberapa serbuan selama dua minggu sejak dua minggu lalu.

"Pada 29 dan 31 Mac lalu, kita berjaya menahan tiga kereta di kawasan Morib, Jeram dan Batang Berjantai yang telah ditinggal tanpa pemandu dan hasil siasatan mendapati kesemua kereta memuatkan rokok keretek.

"Manakala, dua treler ditahan di Lebuhraya KESAS berhampiran susur keluar Jalan Klang Banting yang disyaki

membawa dagangan tayar lori baru yang belum lulus kastam dan diikrarkan sebagai 'Used Tyre' yang dianggarkan bernilai RM106,376 melibatkan cukai RM48,000," katanya.

Beliau berkata, kesemua kes akan disiasat di bawah Akta Kastam 1967 dan kastam akan terus menggiatkan kerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan untuk membanteras penyeludupan hingga ke akar umbi.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, sebanyak 489 kenderaan yang diseludup ke luar negara sudah dikenalpasti dan dalam perbincangan untuk dikembalikan kepada pihak berkuasa Malaysia. Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Perancangan Strategi) Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Mohd Rodwan Mohd Yusof,

berkata, kenderaan berkenaan dikesan di beberapa negara termasuk Thailand, Indonesia, Afrika Selatan, Seychelles, Emiriah Arab Bersatu (UEA) dan Pakistan.

"Bagi tempoh tiga tahun bermula 2006, sebanyak 82,000 hingga 88,000 kenderaan dilaporkan hilang di seluruh negara yang melibatkan kerugian hingga RM1 bilion.

"Kerjasama di peringkat antarabangsa akan dipertingkatkan bagi memastikan kegiatan tersebut dapat dilumpuhkan dan ada di antaranya masih di peringkat rundingan kerana terdapat perbezaan undang-undang," katanya.

alam
sekitar

Foto: ROSLITALIB